



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2/2024 MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2/2024 MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu 4 Julai 2024 (Khamis) setelah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini merupakan pembentangan LKAN yang kedua dalam tahun 2024 di Parlimen selepas pembentangan sebelum ini pada 6 Mac 2024.
2. Ianya terdiri daripada dua (2) naskhah iaitu:
  - (a) LKAN 2/2024 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; dan
  - (b) LKAN 2/2024 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

### **LKAN 2/2024 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan**

3. LKAN ini melaporkan sembilan (9) pengauditan yang melibatkan 11 kementerian dengan nilai kos keseluruhan program/projek/aktiviti yang diaudit berjumlah RM41.970 bilion. Skop pengauditan meliputi projek-projek yang telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) hingga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

4. Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti/projek/program Kerajaan yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak berkaitan, ketiadaan penyelarasan antara agensi berkenaan, ketiadaan pangkalan data yang lengkap dan kelemahan dalam polisi/prosedur kerja. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah wang yang dibelanjakan.
5. Antara isu signifikan yang dibangkitkan dalam LKAN melibatkan:
  - a. Pengurusan Projek Sungai Nadi Kehidupan [River of Life (RoL)]
  - b. Pengurusan Program Pemerksaan Jaringan dan Infrastruktur Telekomunikasi Jalur Lebar
  - c. Pengurusan Projek dan Program di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

#### **LKAN 2/2024 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan**

6. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan adalah untuk mengukur pencapaian objektif penubuhan syarikat melalui tiga (3) aspek yang dinilai, iaitu tadbir urus korporat, kedudukan kewangan dan pengurusan aktiviti utama syarikat. Skop pengauditan meliputi tahun 2019 hingga 2023.
7. Bagi lapan (8) syarikat yang diaudit, pencapaian objektif penubuhan, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PENCAPAIAN OBJEKTIF PENUBUHAN SYARIKAT</b>	<b>AMALAN TADBIR URUS KORPORAT</b>	<b>KEDUDUKAN KEWANGAN</b>
Majlis Profesor Negara*	Tidak capai objektif	Tidak Memuaskan	-
Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.	Capai objektif	Memuaskan	Kurang Stabil
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	Belum dicapai sepenuhnya	Memuaskan	Stabil
MARA Incorporated Sdn. Bhd.	Belum dicapai sepenuhnya	Kurang Memuaskan	Kurang Stabil
International Islamic University Malaysia	Belum dicapai sepenuhnya	Memuaskan	Kurang Stabil
Pembangunan Sumber Manusia Berhad	Belum dicapai sepenuhnya	Tidak Memuaskan	Stabil
Institute of Strategic and International Studies	Capai objektif	Baik	Stabil

NAMA SYARIKAT	PENCAPAIAN OBJEKTIF PENUBUHAN SYARIKAT	AMALAN TADBIR URUS KORPORAT	KEDUDUKAN KEWANGAN
i2M Ventures Sdn. Bhd.	Tidak capai objektif	Memuaskan	Kurang Stabil

Nota: (\*) – Kesenambungan operasi dan sumber kewangan MPN tertakluk kepada terimaan peruntukan daripada Kerajaan

8. Bagi pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan, terdapat keperluan penambahbaikan berterusan oleh syarikat Kerajaan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Kelestarian perniagaan syarikat Kerajaan hendaklah dilengkapi dengan amalan tadbir urus yang baik bagi mewujudkan keyakinan pihak awam.
9. Ketua Audit Negara telah mengemukakan sebanyak 64 syor audit untuk dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi serta Syarikat Kerajaan yang diaudit di peringkat Persekutuan. Intipati bagi setiap LKAN adalah seperti di **Lampiran berserta infografik**.
10. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.
11. Pengauditan yang dijalankan oleh JAN secara dasarnya telah memberi impak positif melalui tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan sebaik sahaja teguran Audit diterima. Susulan audit terhadap LKAN 2020, 2021 dan 2022 melalui Portal Papan Pemuka Ketua Audit Negara (AG's Dashboard – AGD), didapati Kerajaan telah mendapat bayaran balik, antaranya tuntutan penalti, sewa tertunggak dan kutipan Liquidated Ascertained Damages (LAD) yang dianggar berjumlah RM100 juta sehingga suku kedua 2024.
12. Jabatan Audit Negara akan melaksanakan pendigitalan perkhidmatan [Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan Audit Negara (PPJ)] mulai Julai 2025 dengan teknik, metodologi dan pendekatan pengauditan yang inklusif dan mampan, seterusnya menjadi peneraju serantau dalam pengauditan digital. Antara inisiatif PPJ adalah penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) seperti penggunaan *drone* dan semakan secara *remote auditing* dan menggunakan *advanced data analytics tools* dalam mengenal pasti risiko, kelemahan kawalan dalaman atau *red flags* berhubung data atau maklumat yang diperolehi. Melalui PPJ juga, semua maklumat berkaitan pengauditan, sumber manusia dan LKAN akan diintegrasikan untuk menghasilkan output tepat dan pantas.

13. Rang Undang-Undang Audit (Pindaan) 2024 yang baharu diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024 memberi penekanan kepada pengukuhan peranan Ketua Audit Negara melalui skop pengauditan terhadap pengurusan wang awam yang lebih komprehensif dan menyeluruh. Ini bagi memastikan syor audit sentiasa diberi perhatian serius dan diambil tindakan sewajarnya oleh semua pihak sama ada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, serta mana-mana badan termasuk syarikat yang menerima wang awam.
14. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).
15. LKAN 2/2024 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 4 Julai 2024, pukul 10.00 pagi. Jabatan Audit Negara akan terus menyusuli isu-isu yang terkandung dalam kedua-dua LKAN ini melalui AGD yang juga akan dimuat naik pada 4 Julai 2024 melalui alamat <https://agdashboard.audit.gov.my/>.

**KETUA AUDIT NEGARA**  
**4 JULAI 2024**



<https://lkan.audit.gov.my/>

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Ketua Unit Komunikasi Korporat Jabatan Audit Negara, Puan Siti Anisah Abdul Rafie melalui talian 03-8091 1791/ 019-243 6153 atau e-mel kepada [anisahrafie@audit.gov.my](mailto:anisahrafie@audit.gov.my)